

09/05/1998

Sabah sentiasa dapat perhatian Pusat

PEMIMPIN parti yang mewakili Bumiputera Islam dan Cina sudah pun melalui giliran masing-masing menerajui Sabah. Kini peluang diberikan pula kepada pemimpin kaum Bumiputera bukan Islam. Sudah berkali-kali ditegaskan bahawa janji penggiliran itu akan terus ditunaikan, kecuali semua komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sepakat menetapkan pemimpin tertentu mengambil alih jawatan itu tanpa digilirkan.

Petanda paling positif ialah pelantikan dua pemimpin berlainan kaum sebelum ini, tetap disambut baik setiap anggota BN. Walaupun sistem menggilirkan jawatan tertinggi sesebuah kerajaan negeri tidak pernah dilakukan sebelum ini, BN merasakan jika ia teruskan memerintah dan selagi kaedah itu tidak menjejaskan proses pembangunan rakyat, ia boleh dikekalkan. Bagi kita, ini menunjukkan BN yang diterajui Umno bersikap jujur terhadap rakyat Sabah. BN tidak nampak sebarang masalah besar, walaupun ketua menteri silih berganti. Apatah lagi kerajaan Sabah sentiasa mendapat pandangan Kerajaan Pusat berhubung setiap rancangan yang bakal dijalankan. Bagi rakyat Sabah pula, mereka melihat sistem penggiliran jawatan ketua menteri ini sebagai satu proses keadilan yang diamalkan dalam BN. Lagipun parti pembangkang sebelum ini tidak langsung dapat memberi keadilan bagi semua kaum. Apa yang penting bagi rakyat Sabah ialah setiap ketua menteri yang dilantik menjalankan tugas sejajar dengan aspirasi nasional. Dalam era pemerintahan Datuk Mohd Salleh Said Keruak dan Datuk Yong Teck Lee, masing-masing secara keseluruhan melaksanakan pembangunan yang mampu memberi faedah kepada semua kaum. Mereka berjaya mentadbir Sabah begitu berkesan. Sepanjang perkhidmatan masing-masing walaupun singkat, mereka mendapat sokongan padu pemimpin parti lain dan disanjung tinggi oleh seluruh rakyat pelbagai kaum di Sabah.

Kelmarin sembilan parti BN di Sabah memberi jaminan akan menerima siapa sahaja yang dilantik sebagai ketua menteri menggantikan Yong. Mereka memberi mandat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pemilihan bakal pengganti Yong. Bagi kita, sekiranya mereka sebulat suara menyerahkan perkara itu kepada Dr Mahathir, bermakna mereka juga akan akur menerima sebarang keputusannya. Lantaran itu, apa juga keputusan yang bakal dibuat oleh Perdana Menteri, pemimpin BN Sabah harus rasional menerimanya tanpa timbul sebarang syak wasangka menebal yang hanya akan berakhir dengan sesuatu yang merugikan.

Kita percaya kepemimpinan Sabah selama ini terus kukuh dan bertahan kerana masing-masing akur bahawa kuasa pada satu-satu kaum ternyata bukan formula terbaik untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik negeri itu. Konsep musyawarah yang diamalkan bagi memilih dua ketua menteri sebelum ini, juga jelas membuktikan kematangan mereka berpolitik. Setiap pemimpin kaum mudah mengerti dan menginsafikan kepentingan rakyat melebihi yang lain dan atas pengertian serta keinsafan itulah mereka membuat keputusan sangat rasional.

Kita menunggu siapa bakal menjadi ketua menteri Sabah yang ke-11.

Kita mahu beliau juga mendapat pengiktirafan yang sama di kalangan rakyat Sabah. Rakyat Sabah tentunya meletakkan harapan yang tinggi kepada bakal Ketua Menteri yang baru itu. Walaupun untuk dua tahun, mereka mahu calon yang akan menggantikan Yong dapat meneruskan pentadbiran yang berwawasan, amanah dan cekap.

Sesungguhnya masa depan dan pembangunan di Sabah memerlukan suatu wahana politik yang stabil. Apa ada pada kuasa jika rakyat hidup menderita,

sebaliknya kenapa tidak sama-sama kita berkongsi kuasa untuk memberikan kesejahteraan kepada semua. Politik Malaysia hari ini tidak lagi boleh melihat sesuatu permasalahan dalam konteks perkauman tetapi mengambil kira kepentingan semua. Lagipun Malaysia hari ini dikenali dunia bukan disebabkan kejayaan yang dicapai Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban atau pelbagai suku kaum lain di negara ini. Masyarakat dunia mengenali dan menghormati kita atas kejayaan gabungan rakyatnya yang pelbagai kaum bangsa Malaysia. Sehubungan itu, kita dahulukan ucapan tahniah dan syabas kepada bakal pengganti Yong yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri minggu depan sekembali bertugas di luar negara. Kita yakin beliau akan diterima oleh semua parti komponen BN dan paling penting oleh rakyat Sabah yang percaya hanya BN saja dapat memastikan nasib mereka terus terbela.

(END)